



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

PROGRAM HARMONI MADANI MEMPERKUKUH KEHARMONIAN MASYARAKAT MALAYSIA

PULAU PINANG, 9 Mac 2024 – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah **merasmikan Dialog Harmoni Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2024** hari ini. Mengangkat tema ‘**Nilai-Nilai Murni Pemangkin Perpaduan dan Keharmonian Masyarakat**’, ia bertujuan untuk **memperkukuh semangat kebersamaan dan perpaduan dalam kalangan masyarakat serta menangani isu-isu yang berkaitan dengan keharmonian antara penganut agama, meningkatkan toleransi, dan mengukuhkan pemahaman**. Selain itu ia turut memberi **penekanan terhadap budaya saling hormat menghormati terhadap kepelbagaian budaya dan agama masyarakat Malaysia yang berbilang etnik**.

Kementerian menerusi Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah memperkenalkan **sistem e-Sepakat bagi mengesan, memantau dan melapor isu-isu perpaduan peringkat komuniti secara digital**.

Statistik melalui e-Sepakat **menunjukkan peningkatan isu 3R (*Royal, Religion and Race*) dari 153 pada tahun 2022 kepada 197 pada tahun 2023**. YB Menteri Perpaduan Negara turut menasihatkan agar **semua pihak perlu mengelakkan menyentuh isu 3R ini demi menjaga sensitiviti dan menghormati setiap kaum dan etnik di Malaysia**.

YB Menteri Perpaduan Negara menyatakan bahawa bagi memupuk keharmonian dan kepelbagaian dalam masyarakat, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah memperkenalkan **konsep "Faham, Hormat, dan Terima" sebagai prinsip asas, serta akan melancarkan Inisiatif Harmoni MADANI pada bulan Jun ini** dengan pelbagai program seperti **Bicara Harmoni, Wacana Memupuk Perpaduan Dalam Kepelbagaian Agama, Jejak Harmoni, Dokumentasi Harmoni, Sambutan Hari Toleransi Sedunia, Sambutan Minggu Harmoni Sedunia, dan *Interfaith-Dialog***. Inisiatif ini bertujuan untuk **memperkukuh kesedaran terhadap kepelbagaian agama dan budaya yang bukan hanya memperkaya identiti nasional tetapi juga menyatukan rakyat**.

“Saya juga mengambil berat terhadap **pandangan dan cadangan yang diutarakan dari Dialog Harmoni ini, dan akan diambil kira sebagai input untuk pelan perancangan program-program Kementerian pada masa akan datang,**” katanya.

Ia dilihat **sejajar dengan komitmen Kerajaan untuk memastikan setiap rakyat Malaysia merasai keadilan, kesaksamaan, dan keamanan** selaras dengan prinsip-prinsip Rukun Negara yang menjadi tunjang kepada perpaduan nasional.

YB Datuk Aaron Ago Dagang berharap agar melalui Dialog Harmoni ini, **Malaysia dapat terus dikenali kerana keharmonianya, dan mengajak semua untuk bersatu padu demi mencapai kemakmuran dan keharmonian** yang kekal bagi generasi akan datang.

Kementerian Perpaduan Negara

9 Mac 2024

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak, 8. Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA).

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat
b.p.: Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569
E-mel: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 Jld. 2 ()